

Usim sedia garis panduan larang vape

NILAI – Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) akan menyediakan garis panduan berhubung larangan penggunaan vape atau rokok elektronik di dalam kampus berkenaan yang akan dikuatkuasakan sepenuhnya tahun hadapan.

Naib canselornya, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad berkata, pihaknya memandang serius penggunaan vape dalam kalangan mahasiswa dan mereka akan dikenakan tindakan tata tertib serta denda sekiranya didapati melanggar larangan berkenaan.

"Garis panduan kita jangka dapat disiapkan pada pertengahan Disember ini dan dikuatkuasakan sepenuhnya Januari tahun hadapan.

"Pejabat Undang-undang dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Usim telahpun diminta menyediakan garis panduan berhubung larangan penggunaan vape serta penguatkuasaan undang-undang oleh Jabatan Keselamatan bagi memastikan kampus bebas daripada rokok dan vape," katanya menerusi kenyataan media kepada Sinar Harian.

Menurut Musa, pihaknya mengambil keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-37 pada 23 Mac 1995 yang bersetuju memutuskan bahawa merokok adalah

“Garis panduan kita jangka dapat disiapkan pada pertengahan Disember ini dan dikuatkuasakan sepenuhnya Januari tahun hadapan.” - Musa Ahmad

haram daripada pandangan Islam.

Beliau berpendapat, vape 'qiyas' kepada rokok sebenar serta berdasarkan kenyataan pelbagai pihak ia sememangnya memberi kemudahan.

"Lagipun kos untuk membeli vape yang agak tinggi juga adalah satu pembaziran selain meniru budaya bukan Islam dan dilihat tidak bermaruah.

"Sebagai institusi yang memartabatkan Islam, sewajarnya kita perlu ke hadapan dalam menonjolkan akhlak Islam. Saya dapati trend masa kini memperlihatkan bahawa vape menjadi pilihan ramai dan mula menular di kalangan remaja khususnya pelajar," katanya.

Kata Musa, larangan berkenaan juga selari dengan kenyataan Menteri Pendidikan Tinggi baru-baru ini yangewartakan universiti awam sebagai kawasan larangan penggunaan vape.